

Sungai Golok lepasi paras bahaya

RANTAU PANJANG - Hujan lebat berterusan sejak 24 jam lalu menyebabkan paras air Sungai Golok di Rantau Panjang melepasi paras bahaya iaitu 9.18 meter, pada jam 6 petang, semalam.

Bagaimanapun sehingga jam 4 petang, tiada mangsa banjir dipindahkan ke pusat pemindahan sementara, di sini.

Tinjauan mendapati Jalan Simpang Tiga Kubang Chenok dan Jalan Sekolah Cina Rantau Panjang mula ditenggelami air lebih 0.5 meter.

Sementara paras air di Kampung Lanchang, Kelawar, Banggol Nyor dan Putat Tujoh turut menunjukkan peningkatan mendadak.

Penduduk mula mengalih-kenderaan dan memindahkan barang serta dokumen penting ke tempat tinggi.

Perahu dan bot juga dikeluarkan lebih awal sebagai persediaan sekiranya paras air meningkat tengah malam ini.

Sementara itu, Ketua Umno Rantau Panjang, senator Datuk Abdullah Mat Yasim berkata, seramai 12,000 keluarga seluruh Parlimen Rantau Panjang diminta bersiap sedia menghadapi

banjir kali ini.

"Pindah lebih awal kerana saya dapati air meningkat agak cepat. Jangan tunggu sampai lewat malam, kerana ia akan membahayakan nyawa," katanya.

Sementara itu, penduduk, Syed Ahmad Syed Abdullah, 71 berkata, air mula meningkat di Cabang Tiga Kubang Chenok sejak jam 10 malam, kelmarin.

Menurutnya, dia mengalih-kenderaan ke tempat selamat selepas mendapati air mula naik hampir 0.5 meter.

Syed Ahmad yang juga bekas guru berkata, dia tidak menghadapi sebarang kesulitan memandangkan semua barang-barang penting ketika persiapan banjir dua bulan lalu masih berada di tempat tinggi.

"Masa banjir 1 Januari lalu, saya tak alih atau turunkan semua perabot, kelengkapan rumah atau barang elektrik ke tempat asal.

"Ia berdasarkan pengalaman, Rantau Panjang biasanya banjir tiga kali setahun," katanya.

Berdasarkan keadaan cuaca katanya, dia percaya paras air menunjukkan peningkatan dan banjir kali kedua akan berlaku lewat malam ini.